



**PEMAKLUMAN PENTADBIRAN DAN OPERASI PENGURUSAN PELAJAR
KALI KE 15 BIL 15 TAHUN 2021**

**GARIS PANDUAN PEMILIHAN DAN PENEMPATAN RESIDEN PELAJAR
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pelajar yang dikasihi,

1. Merujuk pemakluman Pentadbiran dan Operasi Pengurusan Pelajar kali ke-13 Bil 13/2021 Mengenai Penawaran Penginapan Pelajar di Residen Pelajar bagi Sesi Akademik 2021/2022 adalah dirujuk.
2. Merujuk Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Hal Ehwal Pelajar (JKHEP) Bil.6/2021 berkenaan pembentangan Garis Panduan Pemilihan dan Penempatan Residen Pelajar Mesyuarat JKHEP bersetuju dan meluluskan garis panduan ini untuk di laksanakan berkuatkuasa serta-merta.
3. Garis panduan tersebut boleh di layari E Dasar melalui aplikasi ADAB@UMP atau E-Community.
4. Sebarang pertanyaan berhubung urusan Residen Pelajar boleh saluran melalui emel residen@ump.edu.my.

Sekian Terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’

“Memasyarakatkan Teknologi”

Saya yang menjalankan amanah.

PROF MADYA DR MANSOR BIN SULAIMAN

Dekan Perkhidmatan Pelajar

Jabatan Hal Ehwal Pelajar

Tarikh: 13 Ogos 2021



اونيورسيتي مليسيا قهغ

UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

JABATAN HAL EHWAL PELAJAR

GARIS PANDUAN PEMILIHAN DAN PENEMPATAN RESIDEN PELAJAR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Disediakan oleh:

Unit Residen & Perumahan Pelajar

Bahagian Perkhidmatan Pelajar

Edisi keluaran : 1

Tarikh kuatkuasa: 6 Ogos 2021

Tarikh Kemaskini:

KANDUNGAN

SENARAI AHLI	2
FUNGSI DAN PERANAN	2
GARIS PANDUAN PEMILIHAN DAN PENEMPATAN RESIDEN PELAJAR (PRASISWAZAH)	
Pengenalan	3
Tafsiran	3
Penempatan Pelajar	4
Kategori Penempatan Pelajar (Laluan Khas)	5
Kaedah Permohonan Pelajar	6
Pemberitahuan Keputusan Penempatan Residen Pelajar	7
Pertukaran Residen Pelajar	7
Penarikan Diri dari Residen Pelajar	8
Yuran Penginapan	8
Kadar Yuran	8
Kegagalan Membayar Yuran Penginapan	8
Kunci, Perabot dan Kemudahan Lain	9
Peralatan Elektrik	9
Kebenaran Membawa Kenderaan	10
Daftar Keluar	10
GARIS PANDUAN PEMILIHAN DAN PENEMPATAN PELAJAR (PASCASISWAZAH)	
Permohonan Residen Pelajar	11
Agihan Penempatan	11
Pelajar Pasca Siswazah (Bilik dan Rumah Berkeluarga)	11
Kriteria Tambahan Bagi Rumah Berkeluarga	12
Pertukaran Residen Pelajar	12
Penarikan Diri dari Residen Pelajar	12
Perlanjutan Penginapan	12
Penamatan Penginapan	12
Kadar Penginapan	13
Pembayaran Yuran Penginapan	14
Dokumen Perjanjian	14
Tatatertib dan Disiplin	14
Bil Utiliti	14
Perabot Rumah	14
Pendingin Hawa	15
Pemeriksaan	15
Pengusiran	15
LAIN- LAIN	16

JAWATANKUASA PEMILIHAN DAN PENEMPATAN RESIDEN PELAJAR
PRASISWAZAH UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

A) SENARAI AHLI

1. Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar (Pengerusi)
2. Dekan Perkhidmatan Pelajar
3. Pengurus, Bahagian Perkhidmatan Pelajar
4. Pengetua - pengetua Residen Pelajar
5. Ketua Unit Residen Pelajar
6. Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) & Exco RP Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)
7. Mana-mana ahli yang dijemput hadir

B) FUNGSI DAN PERANAN (*TERM OF REFERENCE*)

1. Menggubal serta meluluskan semua perkara berkaitan pemilihan dan penempatan pelajar di Residen Pelajar (RP).
2. Mempertimbangkan dan membuat keputusan ke atas pengesyoran daripada Jawatankuasa Pemilihan dan Penempatan tentang hal-hal berkaitan pemilihan dan penempatan pelajar di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

C) GARIS PANDUAN PEMILIHAN DAN PENEMPATAN RESIDEN PELAJAR (RP) UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

1. Pengenalan

Tatacara pengurusan RP UMP adalah selari dengan Akta Universiti & Kolej Universiti 1971 (AUKU) serta peraturan-peraturan UMP yang diwujudkan kepada pelajar dan pengurusan RP meliputi seperti perkara dibawah:

- i. Penyediaan ruang kediaman (bilik atau rumah) yang selamat dan kondusif.
- ii. Menyedia kemudahan asas RP yang mencukupi serta persekitaran yang selesa dan kondusif.
- iii. Memproses permohonan kemasukan RP.
- iv. Penguat kuasa peraturan, disiplin dan tatatertib RP.

2. Tafsiran

Universiti	Universiti Malaysia Pahang
Residen Pelajar	Lokasi penginapan, asrama kepada pelajar-pelajar yang berhak mendapat kemudahan penginapan
Residen Pelajar Pekan	Residen pelajar di dalam Kampus Pekan termasuk asrama sewaan luar
Residen Pelajar Gambang	Residen pelajar di dalam Kampus Gambang, termasuk asrama sewaan luar
Residen Pelajar Luar Kampus	Mana-mana bangunan sewaan luar dari Kampus UMP yang dijadikan penempatan rasmi bagi pelajar
Pelajar	Pelajar yang mendaftar program akademik dengan Universiti Malaysia Pahang
Pelajar Pasca Siswazah Berkeluarga	Pelajar pasca siswazah yang membawa pasangan (suami/isteri) dan anak-anak sahaja.
Pelajar Luar Kampus	Pelajar yang tidak menetap di Residen Pelajar yang disediakan oleh universiti

Pelajar Asrama Sewaan Luar Kampus	Pelajar yang menginap di asrama sewaan luar kampus
Pelajar Baharu	Pelajar Tahun 1, semester I dan II
Pelajar Tahun 1	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar yang sedang berada pada semester 1 dan semester 2 tahun pengajian. • Pelajar Baharu Diploma Semester Pendek Permulaan (semester 0)
Pelajar Tahun 2	<ul style="list-style-type: none"> • Pelajar Kanan Sarjana Muda yang sedang berada pada semester 3 & semester 4 tahun pengajian. • Pelajar Kanan Diploma yang sedang berada pada semester 3 & semester 4 tahun pengajian • Pelajar Baharu Sarjana Muda (Kemasukan Terus) Ambilan Oktober / Februari.
Pelajar Kanan	Pelajar Tahun 2 dan ke atas
Pelajar Pasca siswazah	Pelajar-pelajar yang mengikuti program Ijazah Sarjana dan Doktor Falsafah (Phd)
Pelajar Pra siswazah	Pelajar yang mengikuti program peringkat diploma dan ijazah
Tahun Akademik	Tempoh pengkuliahahan yang dibahagikan kepada 2 semester berdasarkan Kalendar Akademik UMP
CPD	<i>Continuous Point Development</i>

3. Penempatan Pelajar

3.1 Lokasi penginapan RP adalah yang disediakan oleh pihak universiti sama ada di dalam kampus atau di luar kampus (asrama sewaan luar).

3.2 Pengagihan tempat

3.2.1 Bilangan pelajar yang diberikan penempatan di RP adalah bergantung kepada kapasiti asrama yang disediakan oleh universiti. Kategori utama pelajar yang akan dipilih bagi penempatan di dalam RP adalah seperti berikut:

- i. Pelajar Tahun 1 dan 2 pra-siswazah tempatan dan antarabangsa wajib tinggal di RP yang telah disediakan bagi tempoh 2 tahun pengajian sepertimana keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) ke-40 Bil 16/2020.
- ii. Beberapa kategori pelajar akan diberikan keutamaan dalam permohonan asrama (laluhan khas) dan tertakluk kepada kekosongan sepertimana perkara 4. Kategori penempatan pelajar (laluhan khas).

3.3.2 Penempatan Pelajar Baharu

- i. Semua pelajar baharu wajib untuk menginap di RP yang telah disediakan.
- ii. Pelajar baharu akan ditempatkan RP siswi & RP siswa bagi kampus Gambang manakala di UMP Pekan penempatan adalah di RP Pekan. Namun demikian, sekiranya kapasiti asrama tidak mencukupi, pelajar boleh ditempatkan dimana-mana RP yang difikirkan bersesuaian.

3.3.3 Penempatan Pelajar Kanan

- i. Pelajar kanan perlu memohon penempatan pada sebelum semester 1 bermula. Kaedah penempatan adalah berdasarkan merit/CPD/lain-lain penilaian yang menggantikan sistem merit dan tertakluk kekosongan.
- ii. Agihan penempatan juga dibuat berdasarkan kepada peratus agihan yang ditetapkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan dan Penempatan Residen Pelajar.

4. Kategori Penempatan Pelajar (Laluan Khas)

Berikut adalah kategori pelajar yang **diberi keutamaan** penempatan di RP **dan tertakluk kepada kekosongan**.

Bil	Kategori Pelajar	Tempoh Penginapan	Catatan
1.	Majlis Perwakilan Pelajar (MPP)	Sepanjang tempoh keahlian keanggotaan MPP	
2.	Pelajar Badan Beruniform	Tahun 3 dan tahun 4	i) Mendapat pengesahan dari Unit Kokurikulum UMP ii) Bagi pelajar yang telah ditauliah atau berhenti daripada menganggotai badan beruniform, penempatan adalah berdasarkan kekosongan
3.	Pelajar PIE (<i>preparatory insentive english program</i>)	1 semester	4 kali setahun
4.	Peserta Ulul Albab	Sepanjang tempoh menyertai program Ulul Albab	PIMPIN akan mengemaskini senarai melalui <i>E-community</i>
5.	Perwakilan Mahasiswa Kolej Kediaman (PeKA)	Sepanjang tempoh keahlian keanggotaan PEKA	
6.	Pelajar Orang Asli (OA)	Sepanjang tempoh pengajian	
7.	Pelajar Dwi-Ijazah	Sepanjang pengajian	
8.	Atlet Cemerlang & Aktivis Kebudayaan	2 semester	Mendapat perakuan Pengarah PSK dan berdasarkan kekosongan.

9.	Pelajar Kelainan Upaya (OKU)	2 semester	Mendapat perakuan pegawai kesihatan kerajaan dan perlu membuat permohonan pada setiap semester
10.	Pemegang Biasiswa Yayasan UMP & Program Anak Pahang Cemerlang	2 semester	
11.	Pelajar yang mempunyai masalah kesihatan (diperakukan oleh Pegawai Perubatan Berdaftar)	2 semester	Mendapat perakuan pegawai kesihatan universiti atau pegamal perubatan kerajaan
12.	Pelajar yang mempunyai masalah psikologi (diperakukan oleh Pegawai Kaunseling Berdaftar)	2 semester	Mendapat perakuan kaunselor dan pegawai kesihatan universiti atau pegamal perubatan kerajaan. Perlu membuat permohonan pada setiap semester
13.	i) Peserta mobiliti <i>inbound</i> ii) Peserta mobiliti <i>outbound</i>	i) Sepanjang tempoh program ii) 1 Semester	
14.	Pelajar Prasiswazah Antarabangsa	Sepanjang tempoh Pengajian	Perlu membuat permohonan sepertimana pelajar tempatan.
15.	Pelajar yang berkedudukan P1 & P2	2 semester	Tertakluk kekosongan

*** Pekeliling Hal Ehwal Pelajar UMP Bil. 1/2021

5. Kaedah Permohonan

5.1 Pelajar Tahun 1

- i. Bagi mana-mana pelajar yang sudah mengesahkan setuju terima dan membuat pembayaran minimum bergantung kepada kadar yang telah ditetapkan oleh Jabatan Bendahari sebelum hari pendaftaran pelajar

baharu. Pelajar akan menerima kod QR yang mempunyai maklumat blok kediaman dan nombor bilik.

- ii. Bagi pelajar yang membuat bayaran minimum pada hari pendaftaran, pengurusan RP akan memberikan bilik berdasarkan kekosongan.

5.2 Pelajar Tahun 2

- i. Senarai nama pelajar akan dijana melalui sistem pengurusan pelajar dan pelajar hanya perlu membuat pengesahan penerimaan tawaran asrama melalui sistem.

5.3 Pelajar Kanan Tempatan - Sistem permohonan dengan mengguna pakai sistem merit/CPD/lain-lain penilaian yang menggantikan sistem merit

- i. Sistem pengumpulan merit akan digunakan di kesemua kampus melalui sistem merit/CPD/lain-lain penilaian yang menggantikan sistem merit yang dibangunkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP). Jumlah merit yang terkumpul oleh pelajar bagi siding akademik berkenaan akan dipaparkan di *E-Community* masing-masing.
- ii. Semua pelajar yang telah mencapai merit/CPD/lain-lain penilaian yang menggantikan sistem merit minimum perlu membuat permohonan penempatan RP secara atas talian (*E-Community* pelajar).
- iii. Pengurusan RP akan memaklumkan tarikh permohonan penempatan kepada pelajar pada setiap pertengahan semester 2 pada setiap tahun pengajian.
- iv. Pelajar yang berminat perlu memohon penempatan menggunakan *E-Community* pelajar dalam tempoh masa yang akan ditetapkan.
- v. Mana-mana pelajar yang tidak memohon dianggap tidak berminat untuk tinggal di asrama.
- vi. Pelajar yang berjaya perlu membuat pengesahan setuju terima dalam tempoh 14 hari. Sekiranya pelajar gagal berbuat demikian nama pelajar secara automatik akan digugurkan di dalam senarai pelajar yang berjaya

5.4 Rayuan RP (Pelajar Kanan Tahun 3 & 4)

Pelajar boleh mengemukakan rayuan dalam talian *E-Community* dan seterusnya menghantar borang rayuan di Pejabat Residen Pelajar yang dimohon.

5.5 Kategori pelajar yang boleh membuat rayuan seperti berikut:

- a) Masalah kesihatan (mesti disertakan surat perakuan daripada Pusat Kesihatan Pelajar (PKU) UMP & Hospital Kerajaan)
- b) Masalah Akademik (surat sokongan dari Dekan Pusat Pengajian)
- c) Semua rayuan akan disokong oleh Pengetua dan dipertimbangkan oleh Timbalan Naib Canselor HEP (TNC HEP)/Dekan Perkhidmatan Pelajar. Keputusan rayuan adalah berdasarkan kekosongan asrama.

6. Pemberitahuan Keputusan Penempatan RP

- 6.1 Semua keputusan penempatan RP akan dimaklumkan kepada pelajar sebelum semester baru bermula, walaubagaimanapun, bagi pelajar rayuan pemakluman keputusan akan dikeluarkan selepas kemasukan pelajar baharu (*2nd intake*).
- 6.2 Keputusan pelajar yang berjaya akan dimaklumkan melalui sistem *E-Community* pelajar.
- 6.3 Keputusan pelajar yang berjaya adalah muktamad.

7. Pertukaran Residen Pelajar

- 7.1 Pelajar yang telah ditawarkan di mana-mana RP tidak dibenarkan untuk bertukar asrama.
- 7.2 Pelajar yang mempunyai masalah kesihatan atau lain-lain sahaja yang akan dipertimbangkan. Pelajar perlu menghantar permohonan rasmi dengan sokongan Pengetua kepada Dekan Bahagian Perkhidmatan Pelajar untuk kelulusan.

8. Penarikan Diri dari RP

- 8.1 Bagi pelajar tahun 1 dan tahun 2 yang berhasrat untuk tinggal di luar atas alasan yang kukuh dan munasabah, diminta untuk mengemukakan permohonan secara rasmi kepada TNC HEP untuk kelulusan. Pelajar perlu membuat pengesahan menolak tawaran menduduki asrama melalui *E-Community* (sistem permohonan penginapan pelajar).
- 8.2 Kelulusan permohonan pelajar akan diputuskan oleh Jawatankuasa yang dilantik oleh pihak Universiti. Pelajar akan dimaklumkan keputusan permohonan dalam tempoh 7 hari bekerja selepas jawatankuasa bersidang.
- 8.3 Pelajar dalam kategori laluan khas dan rayuan perlu membuat pengesahan penolakan tawaran menduduki asrama melalui *E-Community* (sistem permohonan penginapan pelajar).
- 8.4 Bagi pelajar yang telah menerima tawaran RP tetapi kemudiannya menarik diri dari menginap di RP akan dikenakan bayaran penuh satu semester (*No Refund Policy*) yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat Tetap Kewangan (JTK) kali ke-43 Bil.1 2020.

9. Yuran Penginapan

- 9.1 Pelajar Baharu
Yuran penginapan bermula pada tarikh mula mendaftar berdasarkan Kalendar Akademik Universiti sehingga hari terakhir peperiksaan. Pengetua RP boleh memberikan pelepasan daftar keluar lewat jika pelajar menghadapi masalah perjalanan pulang.
- 9.2 Pelajar Kanan
Yuran penginapan bermula pada tarikh daftar mendaftar masuk berdasarkan Kalendar Akademik Universiti sehingga hari terakhir peperiksaan. Pengetua RP boleh memberikan pelepasan daftar keluar lewat jika pelajar menghadapi masalah perjalanan pulang.
- 9.3 Mana-mana pelajar yang telah menetap berterusan sekurang - kurangnya selama 14 hari berturutan di RP di dalam tempoh 1 semester akademik akan dikenakan yuran asrama penuh.

10. Kadar Yuran Asrama PraSiswazah

Bil.	Jenis Bilik	Harga Bilik	Antarabangsa
1	Bilik berdua/berempat dengan tanpa penghawa dingin	RM650.00/semester	-
2.	Bilik berdua tanpa penghawa dingin (RP4 & RP5)	-	RM1560.00/semester
2	Bilik berdua berhawa dingin	-	RM3120.00/semester
3	Bilik berempat berhawa dingin	-	RM2080.00/semester

***Harga akan berubah mengikut arahan dari semasa ke semasa dan tertakluk kepada pindaan keputusan Universiti

11. Kegagalan Membayar Yuran Penginapan

Pelajar yang gagal membayar yuran penginapan pada masa yang ditetapkan akan dikenakan tindakan yang dikuatkuasa oleh universiti.

12. Kunci, Perabot Dan Kemudahan Lain

12.1 Kunci

Semasa mendaftar masuk pelajar akan dibekalkan dengan 1 set kunci beserta penanda kunci (*keytag*). Pelajar perlu memulangkan kembali set kunci ini semasa membuat proses daftar keluar. Kegagalan memulangkan kunci dalam keadaan baik boleh dikenakan kompaun/denda.

12.2 Perabot

Setiap pelajar akan diberikan kemudahan perabot asas yang bersesuaian dengan kemampuan Universiti, antara perabot boleh dikategorikan dengan perabot individu dan perabot guna sama:

- i. Perabot individu
 - a. Katil bujang (single /double)
 - b. Tilam bujang
 - c. Meja belajar
 - d. Kerusi belajar
 - e. Almari pakaian

- ii. Perabot gunasama
 - a. Ampaian
 - b. Rak kasut

12.3 Perabot- perabot ini merupakan harta Universiti dan ada yang disewa dari pembekal. Jika terdapat kerosakan pada perabot ini, pelajar wajib memaklumkan atau melaporkan kerosakan melalui sistem aduan pelajar. Jika terdapat kerosakan disebabkan kecuaiian pelajar, kompaun/denda boleh dikenakan dari pihak universiti atau syarikat yang menyewa perabot.

13. Peralatan Elektrik

- 13.1 Pelajar boleh membawa peralatan elektrik yang dibenarkan bagi keperluan peribadi seperti:
- i. Komputer / komputer riba
 - ii. Pengecas telefon
 - iii. Cerek (terhad 1 bilik 1 unit)
 - iv. Kipas (terhad 1 bilik 1 unit)

Selain dari peralatan di atas, peralatan lain tidak dibenarkan dibawa dan digunakan di dalam bilik/rumah.

14. Kebenaran Membawa Kenderaan

- 14.1 Pelajar tahun 1 dan 2 yang diwajibkan tinggal di dalam asrama **tidak dibenarkan** membawa kenderaan di dalam kampus.
- 14.2 Jika ada mana-mana pelajar Tahun 1 dan 2 yang mempunyai masalah kesihatan dan memerlukan untuk membawa kenderaan bagi memudahkan pergerakan, pelajar boleh menghantar surat permohonan beserta dokumen sokongan kepada Dekan Perkhidmatan Pelajar untuk pertimbangan.

- 14.3 Kebenaran membawa kenderaan adalah dibawah bidang kuasa Bahagian Keselamatan UMP dengan sokongan daripada Pengetua.

15. Daftar Keluar

- 15.1 Semua pelajar yang menginap di asrama perlu membuat pendaftaran keluar apabila:

- i. Tamat / berhenti pengajian
- ii. Tangguh pengajian
- iii. Cuti semester 2
- iv. Atas sebab-sebab lain yang diarahkan dari semasa ke semasa

16. Permohonan Rumah Berkeluarga bagi Pelajar Prasiswazah

- i. Pelajar perlu mengemukakan permohonan rasmi kepada TNC HEP beserta dokumen sokongan.
- ii. Kelulusan adalah tertakluk kepada kekosongan.
- iii. Kadar sewaan adalah mengikut harga rumah.

D. GARIS PANDUAN PEMILIHAN DAN PENEMPATAN PELAJAR PASCASISWAZAH

1. Permohonan RP

- 1.1 Pelajar baharu akan ditawarkan kemudahan asrama. Pelajar kanan pascasiswazah boleh memohon penempatan di asrama tetapi keutamaan diberikan kepada pelajar baharu tertakluk kepada kekosongan.

2. Agihan Penempatan

- 2.1 Penempatan di rumah berkeluarga hanya kepada pelajar pasca siswazah yang tinggal bersama keluarga (anak-anak dan pasangan yang sah)

3. Pelajar Pasca Siswazah (Bilik serta Rumah Berkeluarga)

- 3.1 Hanya pelajar pascasiswazah yang telah berdaftar dan aktif sahaja boleh memohon penempatan di RP.
- 3.2 Semua permohonan mestilah dibuat melalui atas talian.
- 3.3 Tawaran adalah berdasarkan kekosongan yang di RP.
- 3.5 Pelajar perlu membayar 6 bulan (*upfront*) yuran asrama sebelum pendaftaran masuk di RP. Pelajar sedia ada yang ingin melanjutkan tempoh penempatan perlu memohon semula.
- 3.6 RP berhak menamatkan tempoh penginapan pelajar yang didapati melanggar peraturan yang termaktub dalam AUKU dan peraturan universiti.
- 3.7 Pelanjutan tempoh penginapan adalah berdasarkan;
- i. Kekosongan
 - ii. Tiada hutang tertunggak
 - iii. Tiada kes disiplin
 - iv. Status pengajian masih aktif
 - v. Pelajar membuat permohonan semula secara dalam talian.

4. Kriteria Tambahan Bagi Rumah Berkeluarga (Mengikut Keutamaan)

- 4.1 Penempatan pelajar hanya dikhususkan kepada pasangan dan anak-anak yang sah sahaja.

5. Pertukaran RP

- 5.1 Bayaran lebih yuran penginapan tidak akan dikembalikan sekiranya pelajar memilih untuk menukar bilik atau rumah yang telah ditetapkan.
- 5.2 Penambahan kadar bayaran perlu ditanggung atau dibayar oleh pelajar sekiranya memilih untuk menukar bilik atau rumah yang telah ditetapkan.
- 5.3 Keputusan permohonan pertukaran bilik atau rumah adalah tertakluk kepada kelulusan Pengetua RP.

6. Penarikan Diri dari RP

- 6.1 Mana-mana pelajar yang telah ditawarkan RP tetapi tidak mendaftar dalam tempoh empat belas (14) hari maka penawaran tersebut akan terbatal dengan sendirinya.
- 6.2 Bayaran lebih yuran penginapan tidak akan dikembalikan sekiranya pelajar memilih untuk menarik diri dari RP.

7. Perlanjutan Penginapan

- 7.1 Pelajar perlu memohon semula secara atas talian (*Re-Apply*) sebelum semester baharu bermula. Sekiranya pelajar gagal membuat bayaran dan permohonan semula dalam tempoh masa yang telah ditetapkan, pihak RP berhak mengeluarkan arahan pengosongan premis (bilik/rumah)
- 7.2 Perlanjutan diluluskan sekiranya pelajar membuat bayaran dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.
- 7.3 Keputusan perlanjutan akan diluluskan secara rasmi melalui e-mel atau surat rasmi.

8. Penamatan Penginapan

- 8.1 Pelajar perlu menghantar notis dalam tempoh 30 hari (sebulan) kepada RP sebelum menamatkan pengajian.
- 8.2 Pihak RP berhak untuk menamatkan mana-mana penginapan bagi pelajar yang disabitkan kesalahan oleh pihak RP. Notis pengosongan dua minggu (dari tarikh notis dikeluarkan) akan diberikan.
- 8.3 Pihak RP berhak untuk tidak meluluskan pembayaran semula (*Personal Bond*) sekiranya keadaan bilik atau rumah yang ditinggalkan dalam keadaan kotor dan bersepah. Pihak RP akan memanjangkan perkara ini kepada IPS bagi tujuan sekatan daripada menghadiri majlis konvokesyen.

9. Kadar Bayaran Yuran Asrama Pasca Siswazah

Bil.	Residen Pelajar	Jenis Bilik	Penempatan	Status	Harga Sebulan (RM)	Harga Semester (RM)
1	RP1 / RP4	a) Bilik berdua tanpa penghawa dingin	Tempatan	Bukan	300.00	1800.00
			Antarabangsa	Kelamin	370.00	2220.00
		b) Bilik berdua berhawa dingin	Antarabangsa		740.00	4440.00
2	RP2	a) Type A – Rumah 3 bilik	Antarabangsa	Kelamin	830.00	4980.00
		b) Type B – Rumah 2 bilik			540.00	3240.00
		c) Type C – Rumah 1 bilik			415.00	2450.00
3	RP5	a) Bilik Berdua tanpa Penghawa Dingin	Tempatan	Bukan	300.00	1800.00
			Antarabangsa	Kelamin	370.00	2220.00

	b)Rumah Teres – Type A (2 bilik)	Tempatan	Kelamin	600.00	3600.00
	c)Rumah Teres – Type B (1 bilik)			450.00	2700.00
	d)Rumah Teres – Type A (2 bilik)	Antarabangsa		710.00	4260.00
	e)Rumah Teres – Type B (1 bilik)			610.00	3660.00

***Harga akan berubah mengikut arahan dari semasa ke semasa dan tertakluk kepada pindaan keputusan Universiti

10. Pembayaran Yuran Penginapan

- 10.1 Bayaran perlu dibuat 6 bulan (*upfront*) sebelum mendaftar masuk.
- 10.2 Pelajar perlu menghantar salinan resit bayaran sebagai bukti bayaran dan rekod Pejabat RP.
- 10.3 IPS akan menghantar senarai pelajar yang bakal bergraduat kepada pihak RP & Bendahari bagi tujuan pengesahan dan semakan status pembayaran yuran asrama dan pemeriksaan keadaan fizikal bilik atau rumah.

11. Dokumen Perjanjian

- 11.1 Semua pelajar pascasiswazah yang menghuni di RP dikehendaki untuk menandatangani dokumen perjanjian.
- 11.2 Dokumen perjanjian akan diedarkan bersama kunci kepada pelajar dan dokumen perjanjian yang lengkap dikembalikan kepada pihak RP berkenaan.

12. Tatatertib dan Disiplin

- 12.1 Semua pelajar yang menginap di RP adalah tertakluk pada peraturan tatatertib RP dan Universiti
- 12.2 Peraturan Unit Kediaman Rumah Keluarga dijelaskan dengan terperinci dalam Dokumen Perjanjian
- 12.3 Pihak RP berhak membuat pemeriksaan mengejut di bilik RP dan juga Unit Kediaman Rumah Keluarga.

13. Bil Utiliti

- 13.1 Bil utiliti (air, elektrik dan internet) adalah termasuk dalam yuran penginapan.
- 13.2 Pelajar perlu berhemah dalam penggunaan utiliti yang disediakan oleh pihak universiti.

14. Perabot Rumah

- 14.1 Perabot yang disediakan oleh universiti berdasarkan "*as it is*", bukan tanggungjawab universiti menambah perabot rumah berdasarkan jumlah bilangan penghuni atau permintaan pelajar.
- 14.2 Perabot yang rosak jika disebabkan penggunaan yang salah, pelajar perlu menggantikannya semula dengan kualiti setara atau yang lebih baik. Sekiranya pelajar gagal membaiki kerosakan tersebut, pihak RP/university berhak mengambil tindakan seperti kompaun/denda dan lain-lain tindakan sewajarnya.

15. Pendingin Hawa

- 15.1 Setiap rumah hanya boleh memasang 1 unit (1.5hp) pendingin hawa sahaja.
- 15.2 Segala kos pemasangan dan kerosakan ditanggung pelajar.
- 15.3 Pelajar wajib membuat kerja-kerja '*make good*' terhadap bangunan kediaman atau apa-apa kerosakan fizikal disebabkan pemasangan pendingin hawa.

- 15.4 Universiti/RP berhak mengarahkan atau menanggalkan pendingin hawa jika didapati pelajar melanggar peraturan atau pendingin hawa tersebut tidak lagi selamat untuk digunakan.

16. Pemeriksaan

- 16.1 Pemeriksaan boleh dilakukan pada bila-bila masa yang difikirkan sesuai.
- 16.2 Pelajar yang gagal memberikan kerjasama boleh dikenakan kompaun, tidak dibenarkan untuk penyambungan penyewaan atau diusir daripada RP.

17. Pengusiran

- 17.1 Pelajar dan penghuni boleh diusir dari rumah atau bilik jika:
- i. Gagal membayar yuran asrama dalam tempoh sepatutnya
 - ii. Membawa penghuni lain yang tidak dibenarkan.
 - iii. Memberikan rumah/bilik kepada pelajar lain untuk digunakan.
 - iv. Tidak menjaga kebersihan bilik sehingga mengganggu ketenteraman penghuni lain
 - v. Tidak memberikan kerjasama sepenuhnya dan engkar kepada arahan pegawai dan pengurusan Residen Pelajar
- 17.2 Pihak universiti berhak untuk tidak memulangkan yuran asrama jika pelajar melakukan kesalahan tersebut

18. Pelajar Tamat Pengajian

- 18.1 Mana-mana pelajar yang telah berjaya menamatkan pengajian dan memerlukan penginapan sehingga Majlis Istiadat Konvokesyen perlu membuat permohonan rasmi kepada Pengetua RP dan akan dikenakan bayaran penginapan secara harian atau bulanan mengikut kadar sewaan luar tertakluk kepada kekosongan.

E. LAIN-LAIN

1. Kawalan semasa krisis atau penularan penyakit

- 1.1 Universiti berhak mengarahkan pengosongan atau perpindahan kepada pelajar sekiranya terdapat krisis atau penularan penyakit yang berlaku di dalam universiti.
- 1.2 Pemantauan secara berkala akan dibuat terhadap tahap kesihatan pelajar.
- 1.3 Pelajar perlu mematuhi arahan dan semua prosedur pengendalian standard yang dikeluarkan oleh universiti, sekiranya gagal pelajar boleh diarahkan meninggalkan RP.

****** Garispanduan ini akan dimurnikan dari semasa ke semasa dan tertakluk kepada arahan Universiti***